

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 40 RABU 4 OKTOBER, 1967 1387 رابو 29 جمادي الاخير PERCHUMA

Perkembangan negara dapat di-chepatkan dengan ujud-nya keamanan



TUTONG. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah menyeru rakyat supaya memelihara keamanan dan keselamatan pada setiap masa untuk membolehkan projek2 perkembangan supaya dapat di-laksanakan dengan lancar.

Baginda bertitah, bahawa kema'moran akan ujud dan perkembangan akan dapat di-percepatkan sekira-nya keamanan dan harmoni terdapat di-negeri ini.

Baginda bertitah demikian ketika menjawab satu ucapan ta'at setia yang di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Md. Salleh.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan juga bertitah kepada rakyat bahawa kerajaan ada-lah sentiasa berikhtiar untuk memperkembang dan memperbaiki keadaan ekonomi bagi faedah mereka.

Terdahulu dari itu Baginda telah menerima tabek kehormatan Di-Raja dan memereksa satu istiadat perbarisan rasmi untuk menandakan Hari Keputeraan Baginda yang ke-51 bagi daerah Tutong pada hari Sabtu lepas.

Istiadat perbarisan yang berlangsung di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim itu mengandungi satu pasukan dari Askar Melayu Di-Raja Brunei, pasukan pancharagam Askar Melayu Di-Raja dan budak2 pengakap.

Kanak2 sekolah dari kawasan bandar Tutong telah berdiri di-sepanjang mengelilingi padang perbarisan itu.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan berangkat tiba di-Tutong sejurus sa-belum pukul 8.30 pagi dengan menaiki sebuah pesawat helikopter yang telah mendarat dekat dengan Istana Pantai.

Dari Istana Pantai, Baginda telah berangkat dengan kereta ka-padang perbarisan untuk di-alu2kan keberangkatan tiba Baginda oleh Pegawai Daerah.

Pengiran Othman menyatakan rakyat dan penduduk Tutong ada-lah tidak berbelah bagi dalam soal kaseh dan ta'at setia mereka kepada Baginda dan kerajaan Baginda.

Kata-nya penduduk2 Tutong ada-lah berterima kaseh kerana projek2 perkemba-

(Lihat Muka 8)

Penganugerahan gelaran Y.T.M. Duli Pengiran Temenggong

BANDAR BRUNEI. — Kira2 20,000 orang termasuk bariisan hampir2 10,000 murid2 sekolah telah memenuhi tepi2 jalan raya di-Bandar Brunei untuk menyaksikan perarakan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Muda Muhammad Bolkiah.

Perarakan yang besar itu adalah bagi memperkenalkan kepada rakyat jelata atas perlantikan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Muhammad Bolkiah menjadi Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar iaitu Wazir yang ke-empat.

Yang Teramat Mulia itu ialah putera kedua kebawah (Lihat Muka Tengah)

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan sedang memereksa perbarisan kehormatan dari pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei di-upacara perbarisan Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-51 di-Tutong.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Muda Mohammad Bolkiah kelihatan menyusun sembah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan di-istiadat menganugerahkan gelaran tersebut.

TUTONG MERAYAKAN HARI KEPUTERAAN PADUKA SERI BAGINDA TUJUH HARI DALAM SUASANA GEMBIRA

TUTONG — Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Haji Mohammad telah merasmikan pembukaan Pesta2 sambutan bagi Daerah Tutong untuk merayakan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan kali yang ke-51 di daerah itu pada hari Selasa minggu lepas.

Dalam ucapan-nya yang ringkas, Pengiran Kerma Indera telah memuji jawatankuasa perayaan2 sambutan bagi daerah itu serta juga penduduk2 pekan Tutong kerana persiapan2 yang telah mereka lakukan untuk membuktikan kaseh dan ta'at setia mereka terhadap Baginda.

Pegawai daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Md. Salleh telah menegaskan bahawa penduduk2 Tutong ada-lah bersatu padu dalam soal kaseh dan ta'at setia mereka kepada Baginda.

Salah satu dari acara2

meriah dalam pesta2 sambutan ia-lah Hari Peladang dalam mana peladang2 di daerah itu telah mempamerkan hasil mashul mereka di-

pertunjukan pertanian daerah tersebut pada 30 September yang lalu.

Sepanjang minggu perayaan itu penduduk2 Daerah Tutong

telah membanjiri Pekan Tutong untuk bersuka ria sambil menikmati berbagai2 acara perayaan yang telah di-adakan siang dan malam.



Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Haji Mohammad sedang berucap dalam upacara pembukaan Pesta2 Sambutan Hari Keputeraan D.Y.M.M. bagi Daerah Tutong pada minggu lalu.

ANGGOTA2 AMDB "C" KEMPENI JALANI LATEHAN PERANG HUTAN

BERAKAS — Anggota2 "C" kempeni dari Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei telah berlepas ka-Malaysia Barat pada hari Ahad dan Isnin lepas untuk menjalani satu kursus latehan perang hutan selama tiga minggu di-sekolah Peperangan Hutan berhampiran dengan Kota Tinggi.

Keputusan Perarakan Di-Laut

BANDAR BRUNEI — Persatuan Kampong Pandai Besi, Brunei telah berjaya mendapat hadiah pertama dalam peraduan berchuchul bagi perarakan laut yang telah di-langsungkan di-Sungai Brunei baru2 ini.

Hadiah yang kedua telah dimenangi oleh Kampong Peramu dan yang ketiga jatuh kepada Ikatan Kampong Lurong Sikuna.

Hadiah2 sagu hati telah diberi juga kepada peserta2 yang mengambil bahagian yang terdiri dari Kampong Pengiran Pemanca Lama; Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi Kg. Sungai Kebun; Pasokan Kampong Sungai Kebun dan peserta persaoangan dari Awang Ismail bin Hashim.

Mereka bertolak dalam tiga kumpulan. Kumpulan pertama yang mengandungi 37 orang pegawai2 yang tidak bertauliah di-bawah penyeliaan Major J. D. Kelly telah bertolak dari lapangan Terbang Berakas pada hari Ahad.

Kepten Mohamed bin Haji Daud telah mengetuai satu kumpulan yang berlepas pada pagi hari Isnin. Kumpulan ketiga dan yang terakhir di-bawah pegawai Warrant, Bahar bin Tamat berlepas dari lapangan Terbang Berakas pada petang hari itu juga.

Sa-orang juruchakap Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei berkata, semasa menjalani latehan di-Kota Tinggi, anggota2 Askar Melayu Di-Raja Brunei itu akan berada di-bawah jagaan Major Kelly.

Latehan tersebut bertujuan untuk memberikan setiap anggota kempeni itu peluang untuk memperbaiki pengetahuan mereka dalam bidang taktik perjuangan hutan.

Latehan hebat mengenai taktik peperangan hutan telah di-jalani oleh "B" Kempeni yang telah di-hantar ka-Malaysia Barat pada bulan lalu.

"B" Kempeni telah kembali dari Kota Tinggi baru2 ini.

\$46 juta untuk pembenaan jalan2 raya di-seluruh negeri \$20 juta untuk Temburong

BANDAR BRUNEI — Usaha2 untuk mengadakan tapak bagi jalan2 raya baru sa-panjang kira2 45 batu bagi Daerah Temburong sekarang ini telah pun selesai dan tawaran2 tidak lama lagi akan di-pelawa dari pemborong2 yang di-pilih untuk memulakan kerja2 pembenaan.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Perkembangan berkata, ada-lah di-harapkan bahawa kerja2 pembenaan itu akan dapat di-mulakan dalam bulan Mei tahun akan datang.

Projek jalan raya bagi Daerah Temburong merupakan sabahagian dari rancangan jalan raya baru sa-jauh 140 batu bagi seluruh negeri yang akan menelan belanja kira2 46 juta ringgit.

Juruchakap itu menambahkan, jalan2 raya itu akan bermula dari Bangar Ibu Kota Daerah tersebut menghala ka-barat hingga ka-Sungai Pandaruan dan menghala ka-timur dengan menyeberangi Sungai Batu Apoi melalui Labu hingga ka-sempadan Sarawak.

Terdapat juga dua jalan yang menghala ka-utara. Jalan yang menghala ka-utara itu, satu dari-nya akan bermula dari Bangar melalui Belaban dan Amo hingga ka-Batang Duri dengan mengikuti lebuh kurang sepanjang tebing barat

Sungai Temburong.

Jalan yang satu lagi akan mengikuti tebing timur Sungai Pandaruan dari Bokok melalui Lepong hingga ka-Temada.


Hubungan2 persimpangan akan di-adakan di-antara Belaban dan Bokok dan di-antara Sibut dan Semabat.

Pada keseluruhan-nya libarnya jalan2 raya itu ialah 28 kaki yang mana 16 kaki akan di-bubah dengan minyak tar. Manakala jambatan2 pula ada-lah selebar 24 kaki.

Juruchakap itu menyatakan, satu rancangan penyiasatan yang berhati2 ka-atas tapak2 kawasan jalan raya itu sedang berjalan di-daerah tersebut untuk memeriksa dan memastikan bahan2 membuat jalan raya yang sebaik2-nya bagi pembenaan-nya dan untuk mengumpul butir2 yang di-perlukan bagi bentuk rupa jalan raya itu.

Perbelajaan bagi sistem jalan raya daerah Temburong di-jangka sa-banyak kira2 \$20 juta.

Paduka Seri Baginda berangkat ka-Bangar



Baginda terima tabek kehormatan dan bersalaman dengan penduduk2

TEMBURONG. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, pada hari Selasa lepas telah berangkat untuk memereksa satu upacara perbarisan kehormatan, kerana perayaan hari keputeraan baginda, bagi Daerah Temburong, di-padang Pekan Bangar.

Keberangkatan tiba baginda dengan pesawat helikopter, disambut dengan tembakan meriam 21 das.

Pegawai Daerah Temburong, Awang Johari bin Abdul Razak yang menyambut keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia, telah mengiringi Baginda ka-pentas, untuk menerima tabek kehormatan sejurus sa-belum pukul 9 pagi. oleh satu pasukan Askar Melayu Di-Raja dan pasukan pancharagam-nya yang di-tempatkan di-Temburong, di-bawah perintah Kaptain Ariffin.

Ramai yang datang menyaksikan upacara tersebut yang kebanyakannya penduduk dari kampung2 dan rumah2 panjang kawasan pedalaman, yang telah tiba di-Bangar sejak hari Isnin, kerana pesta2 sambutan yang di-mulakan pada hari itu.

Semasa berada di-Pekan Bangar, Paduka Seri Baginda telah sempat berjabat salam dengan penduduk2 di-Kampung2 dalam Daerah tersebut yang telah turun ka-Bangar.

Baginda dengan di-iringi oleh Pegawai Daerah, Awang Johari bin Abdul Razak da-

lam perjalanan menuju ka-pesawat helikopter untuk berangkat balek ka - Bandar Brunei telah di-ziarahi oleh penduduk2 di-sana.

Kumpulan orang ramai itu telah berhimpun di-kedai Bangar dan melihat saja Baginda berangkat berjalan kaki melimpasi tempat kumpulan mereka itu, mereka lalu berdiri dan di-antara-nya telah berebut2 untuk menziarahi Baginda.

Baginda dengan iringan senyum girang telah menyambut huluhan tangan penduduk2 di-situ untuk bersalam2an dengan mereka.

Selesai upacara perbarisan, di-adakan satu perlawaan terek tali yang keputusannya pasukan baginda berjaya mengalahkan pasukan Temburong.

Gambar atas, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan sedang menerima tabek kehormatan dari sa-buah pentas dalam upacara perbarisan hari keputeraan Baginda di-Temburong. Gambar bawah, D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda dengan di-iringi oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Johari bin Abdul Razak ketika hendak berangkat pulang ka-Bandar Brunei dengan menaiki pesawat helikopter. Di-kanan sekali ia-lah Pemangku Menteri Besar, Y.A.B. Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf.



Menganyam bakul dan tikar akan di-ajarkan kepada peladang2

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pertanian merancang hendak mempopularkan usaha membuat bakul dan menganyam tikar menerusi kursus2 pertanian di-masa2 depan yang akan di-anjarkan oleh jabatan itu bagi persatuan2 peladang.

Jabatan Pertanian telah pun mendapatkan perkhidmatan sa-orang tukang menganyam, Dayang Lipah binti Tuah untuk menyebarkan keahlian kerja2 menganyam itu di-

di-kalangan anggota2 wanita persatuan2 peladang.

Mata pelajaran tambahan dalam kursus itu akan di-anjarkan bagi julung2 kali di-Kampung Wasan, Limau Manis sa-bagai satu tambahan kepada kursus tersebut yang telah di-mulakan pada hari Isnin.

Dayang Lipah akan berada di-kampung itu sa-lama seminggu untuk mengajar wanita2 dalam usaha membuat

bakul dan menganyam tikar.

Dia akan menggunakan bahan2 setempat, terutana daun2 pendan, batang padi yang telah kering, belebas, rotan dan buloh dalam kerja2 menganyam itu.

Kursus pertanian ada-lah bertujuan untuk menganjurkan kaedah2 berchuchok tanam yang moden di-kampung2 guna menambahkan hasil dan memberikan faedah yang lebeh baik kepada kaum tani.

4 OKTOBER, 1967

SEMINAR GURU2 SEKOLAH2 MENENGAH

UCHAPAN sa-tinggi2 tahmiah haruslah di-berikan kepada guru2 sekolah2 menengah di-negeri ini atas usaha mereka memperjuangkan taraf pelajaran untuk mencapai ka-taraf yang lebih baik dan sesuai dengan keadaan masa.

Kesedaran guru2 dewasa ini terutama pada memikirkan kepentingan pelajar2 yang tidak kurang penting-nya terhadap pembangunan negara, maka amat kena-lah pada tempat-nya dan beresutian dengan perkembangan negara yang semakin membangun.

Yang Amat Berhormat, Pemangku Menteri Besar, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusof di-samping menganggap seminar itu sa-bagai kena pada tempat-nya, telah juga menisfakan-nya sa-bagai yang samemang-nya di-perlukan.

Kerana, tegas beliau, Kerajaan juga telah dan sedang berusaha untuk membawa perubahan chorak dalam pelajaran Melayu bagi anak2 kita.

Sa-bagai bukti, Yang Amat Berhormat itu telah menyebut tentang pembenaan Sekolah Menengah Melayu yang sedang dalam pembenaan yang akan di-bekalkan tidak kurang dari kemudahan2 yang di-dapati oleh sekolah2 Inggeris dewasa ini.

Ujud-nya sekolah itu nanti akan merupakan satu chabaran kepada guru2 memandag kapada kekurangan buku2 teks dalam Bahasa Melayu bagi pengajaran2 dalam jurusan2 seperti ilmu fizik dan ilmu kimia. Masa'aloh itu akan lebih menjadi sulit lagi kerana kekurangan guru2 yang berpelajaran akademik untuk mengajar perkara2 sa-umpama itu.

Menyedari akan kekurangan ini maka tugas guru2 itu sudah barang tentu akan semakin bertambah kerana di-samping mereka mengajar, mereka haruslah belajar bagi menambahkan ilmu pengetahuan mereka untuk di-salurkan kepada murid2.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha sedang menapakkan sa-gangsa sireh yang lengkap beralas ka-bahu kanan dan kiri Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong sedang duduk dengan di-apit oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha dan Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar ketika pembacaan Chiri Gelaran di-lakukan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Udana Khatib Awang Tamin bin Abdul Hamid.



Gambar atas menunjukkan kenaikan yang membawa Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong ketika di-arak keliling Bandar Brunei.

Y.T.M. Duli Pengiran Temenggong di-arak keliling bandar jalan raya penoh sesak

(Dari Muka 1)

Duli2 Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Raja Isteri. Atas perlantekan itu, ia-nya telah dapat menimbulkan kembali gelaran Di-Raja Brunei yang bersejarah itu yang mana telah tidak di-anugerahkan sejak tahun 1885.

Perarakan yang agong itu telah di-dahului oleh pasukan Pancharagam Pulis Di-Raja Brunei dan di-ikuti oleh pasukan pegawai2 yang memegang Senipit dan tumbak, dua orang hulubalang dan sa-buah landrover yang membawa changkang yang di-jaga oleh Damong.

Sa-lepas itu di-ikuti oleh kenaikan yang mengarak Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong dan di-iringi oleh perhiasan tunggal, pehawai2, Panglima dan Pancharagam Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Turut juga mengiringkan perarakan itu, antara-nya termasuklah Yang Amat Mulia Cheteria2 Yang Amat Berhormat, Pemangku Menteri Besar, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, dan Ahli2 Majlis2 Mashuarat.

Sa-belum perarakan keliling Bandar itu di-langsungkan, istiadat menganugerahkan gelaran itu telah di-langsungkan di-Balai Singgahsana Istana Darul Hana dan istiadat itu di-jalankan sa-baik2 saja

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan menitahkan perkenan. Sa-belum Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Muhammad Bol-kiah berangkat masuk ka-Balai Singgahsana dengan di-iringi oleh pembesar2 negara dan alat2 kebesaran Di-Raja, terlebih dahulu di-sempurnakan istiadat 'Berpusing Naga' tiga kali di-halaman Istana Darul Hana.

Istiadat menganugerahkan gelaran itu pun di-laksanankan dengan di-mulakan penapakkan sa-gangsa sireh yang lengkap beralas, ka-atas bahu kanan dan kiri Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Muhammad Bol-kiah.

Istiadat menapakkan sa-gangsa sireh itu telah di-jalankan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha dan di-ikuti dengan pembacaan Chiri Gelaran oleh Yang Di-Muliakan Pehin Udana Khatib Awang Tamin bin Abdul Hamid.

Sa-jurus sa-telah itu, maka sa-bar yak 16 das tembakan meriam pun di-tembakkan bagi menandakan perasmian gelaran Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar, ia-itu Wazir yang ke-empat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Selesai saja istiadat itu, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar, ia-itu Wazir yang ke-empat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Sa-jurus sa-telah itu, maka sa-bar yak 16 das tembakan meriam pun di-tembakkan bagi menandakan perasmian gelaran Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar, ia-itu Wazir yang ke-empat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

gong pun menjunjung ziarah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan.

Sa-lepas itu, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah mengurniakan persalinan dan alu-aluan kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong yang terdiri dua pengadok pakaian ia-itu sa-pengadok berkoleh dan berkamar dan sa-pengadok lagi persalinan biasa.

Sa-lain dari itu, Paduka Seri Baginda juga mengurniakan kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong sabanyak dua bilah keris; dua buah bedil tembaga dan sa-buah kaskol perak yang beranakkan emas.

Istiadat di-Balai Singgahsana itu telah di-akhiri dengan bacaan Do'a selamat oleh Sahibol Fadzilah Tuan Mufti, Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz.

Di-halaman Istana Darul Hana, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong telah memeriksa barisan kehormatan yang terdiri dari Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei dan dari perbarisan itu, Yang Teramat Mulia telah menerima dua kali tabek 'Hormat Panglima.'

Pada sa-belah malam-nya majlis santapan bersarapan telah di-langsungkan di-kawasan Istana Darul Hana.



Ketika Chiri Gelaran di-bachakan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong menyusun sembah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan yang sedang bersemayam di-Singgahsana.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara dan Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri ketika menyaksikan istiadat menganugerahkan gelaran itu.



Gambar atas menunjukkan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar sedang memeriksa barisan kehormatan dari Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei sa-jurus sa-telah Yang Teramat Mulia itu menyanggang gelaran tersebut.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri turut juga hadir di-Istiadat menganugerahkan gelaran tersebut.

HOKI ANTARA DAERAH2: BELAIT MENGALAHKAN TEMBURONG

KUALA BELAIT. — Daerah Belait telah mengalahkan daerah Temburong dengan tiga gol tidak berbalas dalam perlawanan hoki antara daerah yang telah berlangsung di-padang KBRC pada hari Ahad lepas.

Perlawanan itu di-anjarkan oleh Persatuan Hoki Negeri Brunei bagi salah satu acara bagi menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan yang ka-51.

Perlawanan hoki antara daerah itu ada-lah di-anjarkan buat pertama kali-nya tahun ini.

Pada tahun2 lepas perlawanan hoki hari keputeraan hanya di-antara Daerah2 Brunei dan Muara dan Belait sahaja.

Dalam perlawanan permulaan dalam minggu lalu, Daerah Belait telah mengalahkan Daerah Brunei dengan tiga gol berbalas satu. Perlawanan tersebut telah di-langsungkan di-padang KBRC.

Dalam perlawanan antara daerah Temburong dengan Daerah Tutong yang telah berlangsung di-padang SMJA, Daerah Temburong telah mengalahkan Tutong dengan satu gol kosong.

Perlawanan tinju antara tiga wilayah

BANDAR BRUNEI. — Setiausaha Persatuan Tinju Negeri Brunei, Awang S. Palaniandy mengumumkan bahawa Pertandingan Kejohanan Tinju Persa-orangan bagi wilayah Borneo bagi tahun 1967 akan di-langsungkan di-L a b u a n pada 20 dan 21 Oktober.

Pertandingan itu pada mulanya di-jadualkan berlangsung pada minggu lalu.

Awang Palaniandy berkata, Sarawak, Sabah dan Brunei akan menghantar johan persa-orangan-nya dalam bahagian masing2.

Brunei akan di-wakili oleh Yunus Haji Tudin, dalam bahagian light-flyweight, Raub Serudin dalam bahagian flyweight, Nikman Md. Noor dalam bahagian bantam weight, Mohamad Haji Tudin dalam bahagian feather weight dan Ahmad Rashid dalam bahagian light-welter weight.

Sementara itu dalam perlawanan bola sepak pada waktu malam yang telah berlangsung di-padang KBRC dalam minggu lalu, Belait telah mengalahkan Miri dengan enam gol berbalas dua.

Dalam perlawanan bola sepak antara pasukan Belait dengan pasukan Brunei yang telah berlangsung di-padang KBRC pada hari Isnin, lepas, Brunei telah mengalahkan Belait dengan enam gol berbalas tiga.

Perlawanan tersebut adalah juga salah satu acara bagi menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan yang ka-51.



Perlawanan terek tali antara pasukan D.Y.M.M. dengan pasukan Daerah Temburong telah di-adakan selepas perbarisan di-jalankan pada minggu lalu. Dalam perlawanan itu pasukan D.Y.M.M. telah mengalahkan pasukan Daerah Temburong.

Gambar atas: Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd. Yusuf sedang menyampalkan hadiah kepada ketua pasukan D.Y.M.M. Gambar bawah: pasukan D.Y.M.M. sedang bersedia dalam perlawanan tersebut.



Keputusan perlawanan terek tali anjoran "PATUH"

BANDAR. BRUNEI — Perlawanan terek tali peringkat permulaan anjoran Persatuan Angkatan Tunas Harapan telah di-langsungkan di-padang SMJA pada 22 September yang lalu.

Sa-banyak 16 pasukan telah mengambil bahagian pada hari tersebut.

Keputusan 2 perlawanan ada-lah seperti berikut:—

BAHAGIAN KUMPULAN 'A':

Pulis Di-Raja mengalahkan Dewan bahasa dan Pustaka.

Jabatan Pelajaran bahagian S.M.M.P., mengalahkan Askar Melayu Di-Raja.

Kampung Kota Batu mengalahkan Kampung Jaya Setia/Bakti 'B'.

Kampung Bunut mengalahkan Kampung Sengkuring.

Manakala perlawanan antara Kampung Bunut dengan Kampung Kota Batu, keputusan-nya Kampung Bunut telah menang perlawanan tersebut.

BAHAGIAN KUMPULAN 'B':

J.K.R. Kumpulan Lori2 'B' mengalahkan Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Jabatan Letrik mengalahkan Gabungan Jabatan Penchen, Perkhidmatan Awam dan Musium.

Perlawanan antara J.K.R. Bahagian Lori2 'B' dengan Jabatan Letrik, keputusan-nya Jabatan Letrik telah menang perlawanan tersebut.

Kampung Setia Ranggau Baru mengalahkan Kampung Delima Satu 'B'.

Kampung Saba Darat mengalahkan Kampung Sungai Kebun.

Keputusan perlawanan yang telah berlangsung pada hari Rabu 27 September ada-lah seperti berikut:—

BAHAGIAN KUMPULAN 'A':

Persatuan IKLAS telah mengalahkan Kesatuan Buroh Kerajaan.

Persatuan PUSAKE mengalahkan Persatuan AKSE.

Manakala perlawanan antara persatuan IKLAS dengan Persatuan PUSAKE, telah dimenangi oleh Persatuan IKLAS.

Jawatan-Jawatan kosong

DI-JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN, BRUNEI.

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada calon2 yang menjadi raayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai raayat D.Y.M.M. Al-Sultan bagi memenohi dua jawatan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

(a) Sebagai Juruteknik Gigi Perchubaaan.

KELAYAKAN2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 17 and 25 tahun dan mesti-lah bujang.

Pemohon2 mesti-lah lulus peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya.

GAJI:

Juruteknik Gigi Perchubaaan — E. 2 EB 3 — \$240x10-270/ EB/280x10-330.

Juruteknik Gigi — D. 3 EB 4 — \$380x20-480/EB/500x20-620.

TEMPOH PERCHUBAAN:

Chalun2 yang berjaya akan di-lantek dalam perchubaaan sa-lama 3 tahun. Mereka akan di-hantar berlatih di-Sekolah Latehan Gigi di-Pulau Pinang sa-lama 2 tahun. Ini akan diikuti dengan kerja2 luar yang di-awasi di-klinik2 Gigi di-Brunei sa-lama satu tahun sebelum di-tetapkan dan di-tempatkan dalam jawatan.

ALAON:

Semasa berlatih di-Pulau Pinang, Malaysia, atau tempat2 lain, alaon sara hidup sa-banyak \$/- sa-hari dan alaon kenderaan sa-banyak \$30/- sa-bulan akan di-beri termasuk-lah bayaran penoh bagi tempat tinggal yang di-benarkan.

Permohonan2 yang mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan Brunei, tidak lewat daripada 20 Oktober, 1967.

(b) Sebagai Juruteknik Makmal Terlateh.

KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN:

Pemohon2 mesti-lah telah menjalani latehan di-Institute of Medical Research Kuala Lumpur sa-lama sekurang2-nya 3 tahun, atau mendapat latehan yang sa-banding dengan-nya. Mereka mesti-lah mempunyai sijil2 atau diploma Juruteknik Makmal Terlateh.

GAJI:

Dalam sukatan gaji \$380x20-480/EB/500x20-620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

SHARAT2 LANTEKAN:

Sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchuban sa-lama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama.

BAKSIS:

Bakis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Oktober, 1967.

Pengarah DBP buka pameran buku2 dan kerja2 kerajinan tangan

BANDAR BRUNEI — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohammad Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Omar, telah merasmikan pembukaan Pameran Buku2 dan Kerja2 Kerajinan Tangan Murid2 di-bilik pameran Dewan Bahasa selama tiga hari yang telah berakhir pada hari Sabtu lepas.

Pameran anjoran guru Sekolah2 Menengah Melayu itu ada-lah bertujuan untuk menunjukkan kepada ibu bapa murid2, akan alat kelengkapan pengajaran dan kemajuan yang di-chapai seperti yang terbukti dari kerja2 kerajinan tangan itu.

Ketika berucap di-upa-chara pembukaan itu, Dato Awang Haji Mohammad Jamil berkata, pelajaran adalah penting jika Brunei ingin maju ke hadapan. kerana itu, usaha guru2 tersebut, katanya, ada-lah satu bukti nyata yang mereka ingin kemajuan dan berhasrat untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid2 melalui chara2 yang moden dan praktikal.

Sebagai Merbut di-Jabatan Hal Ehwal Uagama

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada raayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau yang berhak di-daftarkan sebagai raayat D.Y.M.M. Al-Sultan bagi memenohi jawatan2 kosong sebagai Merbut di-Jabatan Hal Ehwal Uagama Brunei.

(a) Masjid Mohammad Jamadul Alam, Kuala Belait — (2 jawatan)

(b) Masjid Pekan Seria — (1 jawatan).

(c) Masjid Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong — (1 jawatan).

(d) Masjid Setia Ali, Pekan Muara — (1 jawatan).

KELAYAKAN2:

Keutamaan akan di-beri kepada penduduk2 yang tinggal

berdekatan dengan kawasan Masjid yang berkenaan.

(a) Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 40 tahun.

(b) Pandai membacah Qur'an serta mengetahui serba sedikit hukum Uagama.

(c) Tahu dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Kepyah bila2 masa dikehendaki.

GAJI:

Dalam sukatan gaji U.1. — \$170x5 — 210/220x10 — 250.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 18 Oktober 1967.

GUNAKAN-LAH BAHASA MELAYU

MEMBETULKAN KESILAPAN

Dalam keluaran Pelita Brunei minggu lalu telah terdapat satu kesilapan mengenai keterangan gambar yang telah di-siarkan di-muka 7.

Perkara itu berlaku ada-lah di-sebabkan kesilapan 'pengatur huruf' dalam mengatur sa-mula pembetulan atas kesalahan2 yang di-betulkan oleh pembaca proof akhbar ini.

Oleh yang demikian keterangan gambar tersebut yang sa-benar-nya hendak-lah di-bacha seperti berikut:



Gambar atas menunjukkan, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda sedang mengalungkan Bintang Kebesaran, Darjah Kerabat Yang

Amat Di-Hormat, Darjah Pertama kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara.

CHORAK PERUBAHAN DALAM PELAJARAN MELAYU KERAJAAN AKAN TERUS BERUSAHA

BANDAR BRUNEI. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menjelaskan bahawa Kerajaan akan terus berusaha untuk membawa perubahan chorak dalam pelajaran Melayu bagi anak2 di-negeri ini.

Beliau telah menyebut projek pembinaan Sekolah Menengah Melayu sa-bagai bakti usaha2 yang akan menyusul dalam sistem pelajaran Melayu.

"Tidak lama lagi bangunan sekolah ini akan siap di-bena yang akan mengandungi berbagai2 kemudahan bagi kegunaan anak2 kita. Sekolah yang baru itu akan mendapat kemudahan2 yang lebih dari apa yang di-dapati di-sekolah2 menengah Inggeris pada waktu ini", tegas Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar.

Beliau berkata demikian ketika berucap kepada kira2 200 orang guru2 besar dan guru2 sekolah Menengah Melayu di-Sekolah Melayu Pusu Urak di-Bandar Brunei pada hari Jumaat lepas.

Yang Amat Berhormat itu menekankan bahawa ujud-nya sekolah Menengah Melayu itu akan merupakan satu perubahan kepada guru2 mema-

dang kepada kekurangan buku2 teks dalam Bahasa Melayu bagi pergajaran2 seperti ilmu fizik dan ilmu kimia.

Masalah tersebut akan menjadi lebih sulit kerana kekurangan guru2 yang berpelajaran akademik untuk mengajar perkara2 tersebut.

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Yusuf juga telah menggesa guru2 supaya bersifat murid agar dalam tahun2 yang akan di-tempoh mereka akan memperoleh pengetahuan dan fikiran yang lebih baik untuk di-salurkan kepada murid2.

"Tugas utama Che'gu2 di-sekolah menengah ini bukanlah saja mengajar tetapi juga menyelidik, mengali dan mengulangkaji pendapat2 yang Che'gu2 dapati di-buku2 dan media2 pengetahuan yang Che'gu2 hadapi itu", tegas beliau.

Belia menyeru guru2 itu supaya menjadikan pendapat2



Y.A.B. Pg. Dato Seri Paduka
Haji Md. Yusof

yang baru itu untuk dapat disemaikan kepada pelajar2 yang dahaga dan hauskan ilmu pengetahuan.

Yang Amat Berhormat itu menegaskan bahawa guru2 harus-lah jangan sekali2 menjadi pak turut saja, bahkan harus belayar dengan bahtera mereka supaya pelajar2 sekolah menengah itu dapat berkayoh bersama ka-arrah kemajuan, ka-gedong ilmu, kadestansi yang kukuh, konkreat dan membena.

Kakitangan Klinik Haiwan ka-Malaysia Barat

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang kakitangan Klinik Haiwan, Jabatan Pertanian dijadualkan berlepas ka-Malaysia Barat hari ini untuk menjalani latihan dalam hal-ehwal kehaiwanan.

Mereka itu ia-lah Awang Ali bin Buntar, Pembantu Makmal; Awang Mohammad Yahya dan Awang Hamzah bin Paya, kedua2-nya Pemeriksa Binatang2 Ternakan.

Awang Yahya dan Awang Hamzah akan di-tempatkan di-beberapa Jabatan Kehaiwanan Negara dan Pusat2 Pemeliharaan Binatang di-Malaysia Barat sa-lama 9 bulan.

Awang Ali akan di-tempatkan di-Yayasan Penyelidikan Kehaiwanan di-Ipoh sa-lama 10 bulan untuk berlatih dalam hal-ehwal makmal.

Awang Yahya dan Awang Hamzah akan di-tempatkan di-Pusat2 Kehaiwanan kawasan pendalaman sa-telah mereka kembali ka-tanah ayer.

BEKALAN LETRIK UNTUK SELUROH NEGERI

BANDAR BRUNEI. — Satu tujuan utama dalam ranchangan perkembangan Negeri Brunei telah dapat di-laksanakan dengan jaya-nya untuk membolehkan tenaga letrik di-bekalkan kepada kampung2 dalam kawasan pendalaman negeri ini.

Ranchangan pembekalan tenaga letrik itu bertujuan untuk mengadakan juga bekalan tenaga bagi penggunaan perusahan di-masa hadapan.

Ranchangan yang menelan perbelanjaan sa-banyak \$16,900,000 itu melibatkan pembinaan dua buah pusat tenaga letrik, 60 batu jarak-nya di-antara satu sama lain ia-itu di-Gadong, Bandar Brunei dan di-Seria.

Biasa-nya Gadong ia-lah pusat chagaran yang sentiasa sedia untuk di-gunakan apabila perbekalan letrik dari pusat di-Seria itu terputus.

Ketua Jurutera Letrik, Awang J. E. B. White berkata bahawa dengan bermula-nya perkhidmatan tarbain gas di-Seria dalam bulan April tahun ini, maka ranchangan perbekalan tenaga letrik negeri ini sekarang telah selesai.

Ranchangan ini telah di-lancarkan dalam bulan Ogos, 1964 dan telah di-laksanakan semata2 di-bawah pengawasan Ketua Jurutera Letrik dan kakitangan Jabatan Letrik.

Awang White berkata, penasih2 telah tidak di-gunakan dengan mana Kerajaan telah

Oleh: Anthony Lourdes

dapat menjimatkan wang dari segi upahan dan gaji.

Pembekalan tenaga letrik bagi rumah2 di-kampung2 pendalaman sedang di-buat menerusi sambongan2 dari dawai2 letrik yang merentang di-tiang2 letrik di-antara Seria dan Gadong. Lima sambongan serupa itu telah di-adakan.

Satu sambongan dari Seria ka-Kuala Belait, lagi satu dari Sungai Liang ka-Bukit Puan, yang ketiga dari Batu 18 ka-Lamunin dan yang ka-empat dari Gadong ka-Muara.

Sambongan yang ka-lima dari Bukit Puan ka-Labi telah selesai di-pasang pada bulan lepas.

Awang White berkata kesemua sambongan2 itu telah di-bekalkan dengan letrik yang terakhir-nya ia-lah dari Sungai Liang ka-Bukit Puan pada bulan lalu.

Bekalan letrik di-Temburong di-bekalkan oleh stesen letrik baru daerah-nya sendiri.

Empat buah pesawat2 generator dua daripada-nya jenis

280 KW dan dua lagi jenis 150 KW telah di-pasang di-steshen letrik baru di-Bangar ibukota daerah tersebut.

Awang White berkata pesawat2 generator dari steshen letrik Bandar Brunei yang telah tidak di-pindahkan ka-Gadong atau di-hantarkan ka-Temburong telah di-pakai untuk kegunaan lain.

Mithal-nya dua buah pesawat jenis 884 KW telah di-perbaiki semula dan sungguh pun maseh di-sambungkan ka-tempatkan dalam sa-buah generator yang membekalkan letrik kepada Bangunan Guru-Guru dan Lapau baru itu akhir-nya akan di-hantarkan ka-Tutong untuk ranchangan Ayer Tutong.

Sa-imbang dengan sistem membekalkan letrik maka ada-lah perlu jabatan ini di-tempatkan dalam sa-buah bangunan-nya sendiri.

Awang White berkata chadangan telah di-buat hendak membena sa-buah pejabat baru bagi Jabatan Letrik di-kawasan tempat pusat tenaga steshen letrik lama itu sa-telah kawasan itu di-bersekan.

Paduka Seri Baginda di-Tutong

(Dari Muka 1)

ngan yang bermacham2 itu yang telah pun di-laksanakan dan yang sedang di-ranchangkan bagi daerah tersebut.

Pengiran Othman selanjutnya menyatakan, daerah Tutong pada masa ini telah pun mempunyai masjid2 baru jalan2 raya baru, balai2 raya, sekolah2 dan lain2 kemudahan yang di-laksanakan di-bawah ranchangan perkembangan.

Satu keistimewaan dalam pesta2 sambutan di-Tutong ia-lah Hari Peladang, anjoran Jabatan Pertanian bertempat di-asrama sekolah Melayu Muda Hashim pada hari tersebut.

Pertunjukan pertanian sa-lama satu hari itu dalam mana peladang2 dari daerah Tutong menunjukan hasil mashul mereka, telah di-rasmikan pembukaan-nya oleh Penolong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh.

Gerai2 dalam pertunjukan itu, kebanyakan-nya di-ambil oleh persatuan2 peladang yang mana 23 buah telah pun ditubuhkan di-daerah Tutong.